



Orang politik, penjawat awam perlu bekerjasama

Disember 2, 2022 @ 12:19pm

Kuala Lumpur: Anggota pentadbiran iaitu menteri dan timbalan menteri serta pentadbiran awam perlu mempunyai sikap saling hormat menghormati dan sentiasa bekerjasama dalam menyempurnakan segala urusan kerajaan dan rakyat.

Presiden Persatuan Alumni Pegawai Tadbir dan Diplomatik (Alumni PTD), Tan Sri Abdul Halim Ali, berkata kedua-dua pihak mesti memahami bidang tugas masing-masing bagi mengelak wujud konflik dalaman, yang hanya akan menjejaskan kelancaran pentadbiran kerajaan.

"Orang politik ada tanggungjawab dia masing-masing, kita perkhidmatan awam pun ada tanggungjawab kita, iaitu untuk melaksana dasar yang sudah ditentukan Parlimen atau Kabinet.

"Jadi, orang politik dan pentadbiran awam mesti bekerjasama dalam suasana pengurusan tadbir yang baik, dalam suasana yang mana rasuah tidak akan mempengaruhi pelaksanaan dasar yang sudah ditentukan," katanya.

Beliau berkata, dalam urusan perolehan dan tender kerajaan, garis panduan dan peraturan sudah sedia ada, seperti ditetapkan oleh Kementerian Kewangan (MOF).

Justeru, kedua-dua pihak tidak perlu gusar, sebaliknya mematuhi segala proses yang sudah tersedia serta mengelak daripada bertindak melangkaui bidang tugas sepatutnya.

"Soal berkaitan kewangan, segala proses ditentukan oleh MOF sendiri. Dalam peraturan itu jelas disebut siapa pengerusi jawatankuasa tender dan juga ada had tertentunya. Contohnya tender ini, kalau jumlahnya sekian-sekian, siapa yang boleh tentukan, jawatankuasa mana.

"Jawatankuasa juga boleh tentukan jika jumlahnya lagi kurang atau lebih. Dalam itu jelas, orang politik tidak boleh campur tangan dalam prosiding membuat keputusan oleh jawatankuasa. Ada jawatankuasa tertentu yang mengurus direct nego (rundingan terus). Itu juga memerlukan kelulusan MOF," katanya.

Beliau berkata, adalah salah jika anggota pentadbiran seperti menteri dan timbalan menteri mengarahkan supaya sesuatu perolehan dan tender itu dibuat secara rundingan terus.

"Bukan kata menteri bagi direct nego saja dan lulus, tidak! Ada proses penilaian oleh jawatankuasa. Kalau menteri suruh buat direct nego, itu sebenarnya salah. Mungkin dia kata sudah bagi tahu KSU (Ketua Setiausaha Kementerian), tapi KSU kena tulis surat kepada MOF, minta supaya projek ini dibuat secara direct nego.

"Dalam surat, dia kena bagi jelas kenapa ini perlu direct nego. Keputusannya sama ada boleh atau tidak, terletak pada MOF, bukan menteri," katanya.

Bagaimanapun, katanya, Kabinet boleh menentukan sesetengah projek itu perlu dilaksana sama ada secara segera atau sebaliknya, namun dalam urusan pelaksanaannya, Kabinet masih tidak menelitinya secara terperinci.

"Berapa kos, berapa tempoh jadual kerja, Kabinet tak tentukan itu. Kabinet selepas buat ketentuan bahawa projek ini lulus dengan belanja banyak mana dan perlu dilaksana, Itu saja.

"Kemudian, ia mesti dibawa kepada MOF untuk tentukan siapakah pemenang tender. Adalah prosesnya, bermula dengan notis tender, kemudian permohonan disampaikan kepada kementerian untuk tempoh tertentu.

"Kemudian, ada penilaian teknikal atau kebolehan teknikal sesebuah syarikat untuk menjalankan projek itu, contohnya pembinaan jalan dan sebagainya.

"Selepas itu, ada penilaian mengenai kewangan syarikat, adakah dia mampu? Adakah dia cukup dana untuk melaksana projek itu? Semua ini dibuat. Jadi, kalau tiada campur tangan dari luar, pegawai kerajaan akan memastikan tawaran diperoleh dengan harga berpatutan, munasabah dan menguntungkan kerajaan," katanya.